

Duda kurung, pukul mangsa berusia 8 tahun kerana marah isteri enggan rujuk semula

Anak iras ibu didera bapa kandung

KOSMO 28/12/2017 M15 3

Oleh FIRDAUS HASSAN

KOTA BHARU - Angkara benci melihat wajah anak perempuan sulungnya yang seiras rupa bekas isteri, seorang lelaki tergamak mengurung dan menyiksa mangsa tidak ubah seperti binatang di Kampung Terap, Binjai di sini sejak sebulan lalu.

Mangsa, Khairunisa, 8, didera dengan kejam apabila tubuhnya dicucuh api puntung rokok, dipukul dengan batang penyapu, dibelasah dengan penyangkut baju malah diceredakan menggunakan sabit.

Lelaki yang tidak berhenti perut itu dikatakan berbuat demikian kerana berendam dengan isterinya yang enggan rujuk kembali selepas mereka bercerai talak tiga pada September lalu.

Mangsa yang juga murid darjah dua Sekolah Kebangsaan Mentera itu serta adiknya, Mohd. Khalif Daneal, 6, diambil suspek berusia 31 tahun daripada jagaan ibunya, Nurul Hazwani Shahferi, 27, pada 21 Oktober lalu untuk tinggal bersamanya di Kampung Terap, Binjai di sini dengan alasan untuk menguruskan persekolahan kanak-kanak itu.

Namun, Nurul Hazwani terkejut selepas mendapat perkhabaran buruk bahawa anak sulungnya itu menjadi mangsa dera



SHIDDIEQIIN ZON

NURUL HAZWANI menunjukkan gambar Khairunisa yang dikurung dan didera bekas suaminya di Kampung Terap, Binjai semalam.



KHAIRUNISA dan adiknya yang dikurung di sebuah rumah di Kampung Terap, Binjai.



KHAIRUNISA dan adiknya begitu menderita sebelum diselamatkan ibunya pada Sabtu lalu.



KHAIRUNISA mempunyai kesan dicucuh api puntung rokok. - Gambar hiasan

SABIT turut digunakan untuk mencederakan Khairunisa. - Gambar hiasan

bapa sendiri apabila dikurung di dalam rumah sejak sebulan lalu selain tidak dihantar bersekolah.

Katanya, bekas adik ipar menghubunginya memaklumkan anak sulungnya menjadi mangsa dera bekas suami sejak sebulan lalu.

"Mereka cuba memban-

tu anak saya tetapi bekas suami mengugut akan memukul mangsa lebih teruk lagi. Lebih memburukkan keadaan, bekas suami kembali mengambil dadah iaitu pil kuda. Bimbang keselamatan mereka, saya membuat laporan polis pada Sabtu lalu.

"Saya diiringi anggota

polis ke rumah tersebut dan menyelamatkan kedua-dua anak saya.

"Semasa ditemui anak sulung saya dalam keadaan lemah selain terdapat kesan cucuhan rokok, serta kesan luka lama dan baharu pada kepala serta badan," katanya ketika ditemui di rumah ibu saudaranya di Kampung Lepar, Limbat di sini semalam.

Nurul Hazwani dan bekas suami yang bernikah 10 tahun lalu dikurniakan tiga orang anak termasuk seorang lagi anak lelaki berusia lima tahun. Mereka pernah bercerai dua kali sebelum ini iaitu pada tahun 2010 dan 2011 kerana sikap suspek yang 'naik tangan'.

Selepas memberi peluang dua kali, suspek tetap tidak berubah dan masih

tidak mempunyai pekerjaan tetap mengakibatkan mereka bercerai talak tiga pada September lalu.

Wanita itu berkata, bekas suaminya bertindak mendera anaknya kerana benci melihat muka mangsa yang seiras dengan paras rupanya selain dendam kerana dia enggan rujuk selepas bercerai tiga bulan lalu.

"Dia tidak mengapakan Mohd. Khalif Daneal. Hanya anak sulung menjadi tempat dia melepaskan marah kerana benci melihat wajah Khairunisa.

"Malah, Khairunisa memberitahu bapanya telah memecahkan gambarnya yang digantung di dinding.

"Saya ada terbaca kiriman WhatsApp bekas suami kepada adiknya

INFO Kes-kes dera anak

19 September 2017 - Seorang lelaki berusia 40 tahun ditahan kerana memukul dan mendera dua anak kandungnya menggunakan besi penyodok pasir di Kampung Sungai Atas, Kunak, Sabah

13 Jun 2017 - Seorang bapa ditahan kerana mendera anak lakinya berusia lima tahun sehingga menyebabkan mangsa patah paha kiri dan lebam di bahagian lengan dan badan di Taman Bukit Maluri, Sentul, Kuala Lumpur

28 Mei 2017 - Seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun maut akibat didera ibu bapa kandungnya di rumah mereka di Subang Jaya, Selangor

yang menulis 'Aku benci tengok muka dia, aku takut (pukul) dia biar mampus (mampus/mati),' ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Ismail Mat Sidik ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian tersebut. Suspek telah ditahan pada Ahad lalu.

"Hasil ujian air kencing mendapati suspek disahkan positif dadah jenis methamphetamine dar dia direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001," kata beliau.